

NAMA :

KELAS :

**LOGO
SEKOLAH****TINGKATAN 5 2024****BAHASA MELAYU****1103/1****Kertas 1****PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM (SEPTEMBER)**

2 jam

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian. **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawapan hendaklah ditulis di dalam kertas jawapan.
3. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi dan Jawi.
4. Kertas jawapan hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa		
NamaPemeriksa:		
Bahagian	Markah Penuh	Markah Diperolehi
BAHAGIAN A	30	
BAHAGIAN B	70	
1		
2		
3		
4		
JUMLAH	100	

Kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah]

BAHAGIAN A

[30 markah]

Soalan ini **mesti** dijawab

Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan nilai murni dalam kalangan masyarakat.

*Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **amalan nilai murni dalam kalangan masyarakat**.*

Nilai murni didefinisikan sebagai perlakuan yang baik, peradaban dan tatasusila individu manusia dalam hubungannya sesama manusia, alam dan Tuhan. Antara nilai murni yang wajar dibudayakan ialah perilaku jujur, amanah dan berbudi bahasa.

Sumber : Blogger.com




KEMPEAN
BERBUDI
BAHASA

BUDI BAHASA BUDAYA KITA



Amalan 4 S
Sopan, Senyum, Sapa, Salam

 SILA HUBUNGI
+123-456-7890

Sahsiah Membentuk Peribadi Mulia,
Asas Pemantapan Disiplin Diri



NASIONAL

Negara jadi hebat melalui penerapan nilai murni daripada institusi keluarga - PM Anwar

Farah Marshita Abdul Patah
farahmarshita@bh.com.my
November 4, 2023 @ 1:58pm



Bahagian B

[70 markah]

*Bahagian ini mengandungi **empat** soalan. Jawab **satu** soalan sahaja.*

*Tulis sebuah karangan yang panjangnya **antara 350 hingga 500 patah perkataan.***

1.

Keruntuhan akhlak remaja dilihat sebagai isu yang berpanjangan dan perlu kepada tindakan segera. Antara salah laku yang sering berlaku dalam kalangan remaja ialah penyalahgunaan dadah, seks bebas, jenayah kekerasan, juvana dan merosakkan harta benda. Tidak dinafikan salah laku dan akhlak remaja pada hari ini sangat membimbangkan ekoran pengaruh budaya Barat, ketagihan media sosial dan pengaruh rakan sebaya yang menjadi ikutan para remaja hari ini.

Sumber : Internet

Berdasarkan petikan di atas, anda dikehendaki untuk menyampaikan syarahan bertajuk "Faktor-faktor Keruntuhan Akhlak Remaja".

Tuliskan syarahan tersebut selengkapnya.

2.

Perkembangan pesat sektor pertanian di Malaysia tidak terhad kepada hasil ladang seperti kelapa sawit, getah dan koko yang menjadi komoditi besar negara. Menyedari hakikat ini, pelbagai usaha boleh dilakukan untuk memperkenalkan hasil pertanian Malaysia ke negara lain. Oleh itu, pihak kerajaan perlu mengukuhkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam pertanian, mengadakan ekspo produk makanan dan media massa perlu memainkan peranan dengan mempromosikan produk Malaysia ke negara luar.

Dipetik dan diubah suai daripada :
Berita Harian Online

Berdasarkan petikan di atas, bincangkan usaha-usaha tersebut.

3.

Alam pekerjaan merupakan fasa dalam kehidupan yang akan ditempuhi oleh semua manusia demi mencari pendapatan. Pendapatan digunakan untuk menyara kehidupan diri, keluarga dan menyumbang kepada kemajuan ekonomi. Jadi, para pelajar perlu bersedia dalam segala aspek sebelum menempuh alam pekerjaan.

sumber: <https://www.ipendidikan.my/>

Huraikan persediaan-persediaan seseorang pelajar sebelum menempuh alam pekerjaan.

4.

Tindakan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menjadikan mata pelajaran Sejarah sebagai satu subjek wajib lulus bagi calon yang menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) adalah tepat. Hanya dengan mempelajari mata pelajaran Sejarah, pelajar dapat mengenali budaya dan warisan negara.

Dipetik dan diubah suai daripada :
<https://www.irujukan.my/mempelajari-sejarah/> | Irujukan.my

Selain kepentingan di atas, huraikan kepentingan-kepentingan lain mempelajari mata pelajaran sejarah.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT